

'Pupuk semangat patriotisme'

Veteran Umno mahu generasi muda hayati perjuangan kemerdekaan negara

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman

GEOGETOWN: Seorang veteran Umno yang sebelum ini menentang penubuhan Malayan Union, Datuk Yahya Ahmad menyeru golongan muda di negara ini supaya menghayati sepenuhnya erti kemerdekaan.

Yahya atau lebih mesra dengan panggilan Tok Ya, 78, berkata beliau mendapati golongan muda zaman ini menyambut ulang tahun Hari Kemerdekaan seperti menyambut perayaan untuk bersuka ria tanpa batasan.

Katanya, golongan muda sekarang dilihat tidak memiliki semangat patriotik.

"Sepatutnya mereka bukan saja menanam semangat patriotik dalam diri malah merenungi perjuangan ikhlas bekas pemimpin negara untuk memerdekakan negara daripada penjajahan British.

"Walaupun kita sudah 49 tahun merdeka, jiwa anak-anak muda kelihatan lesu, tidak bersemangat dan menyambut kemerdekaan secara ikut-ikutan serta untuk berseronok saja," katanya selepas majlis perarakan kemerdekaan peringkat negeri di Balik Pulau, semalam.

Dalam perbarisan itu, Yahya terpaksa menggunakan kerusi roda untuk menyertai perarakan bersama kira-kira 20 lagi veteran Umno yang berasal dari Balik Pulau kerana uzur.

Semangat yang beliau tunjukkan itu turut mendapat perhatian Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang meluangkan ma-

sa bertemu dan bermesra dengannya di pentas tetamu kehormat sehingga tamat perbarisan.

Ahli seumur hidup Umno ini pernah menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Teluk Bahang selama dua penggal iaitu mulai 1982 sehingga 1990.

Tempat beliau selepas itu digantikan Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya yang menjadi Adun Teluk Bahang selama tiga penggal sehingga 2004.

Dr Hilmi yang juga bekas anak muridnya adalah Ahli Parlimen Balik Pulau dan merangkap Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan.

Yahya berkata, sehingga kini beliau masih terkesan saat Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman melaungkan 'merdeka' di Stadium Merdeka, 49 tahun lalu.

"Sepatutnya mereka bukan saja tanamkan semangat patriotik dalam diri malah merenungi perjuangan bekas pemimpin negara untuk memerdekakan negara"

Yahya Ahmad
Veteran Umno



SEMANGAT TETAP MEMBARA: Tok Ya (kiri), Wan Zaharah Mohd Amin, 85, dan Salman Idris, 81, mengibar Jalur Gemilang ketika perarakan sambutan Hari Kemerdekaan ke-49 peringkat negeri di Jalan Genting, Balik Pulau, semalam.